

Sejarah Masjid:

Masjid Pertama Dalam Islam

Di dalam kitab “Mira’at Al-Ḥaramayn” karangan Ibrahim Rafa’at Basha, dibentangkan dengan panjang lebar, baik mengenai tafsir ayat-ayat Qur’an yang menerangkan tentang masjid taqwa dan masjid ḍirār. Ibn Hajar dalam kitabnya “Fath al-Bārī” mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan masjid taqwa dalam ayat-ayat tersebut – menurut pendapat ulama yang terbanyak- ialah masjid Qubā’; tetapi menurut hadith yang diriwayatkan oleh Muslim dari Abī Sa’id al-Khudri mengenai juga Masjid Nabi di Madinah.

Oleh Haji Abu Bakar

Hijrah ke Madinah:

Tatkala penganiayaan di Makkah sudah memuncak dengan hebatnya dan kaum Quraisy sudah sepakat mengambil keputusan akan membunuh Nabi Muhammad (S.A.W), maka pada waktu itu datangnya perintah dari Tuhan menyuruh Nabi segera berhijrah ke Madinah.

Kafir Quraisy di Mekah berputus asa setelah mengetahui bahawa pengikut-pengikut Nabi di Madinah telah bersumpah setia membela Junjungan besar kita itu sampai kepada titik darah yang penghabisan dan mereka memajukan permohonan supaya Nabi Muhammad berpindah hijrah ke Madinah.

Mendengar keputusan orang-orang Madinah yang demikian itu, maka kaum Quraisy di Makkah pun mengadakan satu permesyuaratan di “Dār al-Nadwah” dan mengambil keputusan sebulat suara akan menghabiskan riwayat hidup Nabi Muhammad dan sebelum beliau sempat melarikan diri dari bumi Makkah.

Pada suatu malam – setelah menerima perintah dari Tuhan- maka Nabi pun

keluar dari rumahnya di Mekah dengan dinanti oleh sahabatnya yang setia Saiyidina Abu Bakar yang telah berjanji dengan Rasulullah akan sehidup semati dengan baginda dalam menunaikan perintah hijrah. Malam itu adalah malam yang sangat berbahaya, kerana malam itu adalah malam yang telah diputuskan oleh kaum Quraisy untuk mengepung dan membunuh Rasulullah.

Maka pada malam itu Ali Bin Abi Talib – sepupu Rasulullah – rela mengorbankan jiwanya tidur di tempat Rasulullah, yang demikian kaum Quraisy yang mengepung rumah menyangka bahawa yang sedang tidur di dalam rumah itu ialah Nabi sendiri. Perlindungan Tuhan yang diberikan kepada Rasul-Nya sangatlah mengagumkan, sehingga waktu Nabi turun dari rumah dan melalui di hadapan penjagaan-penjagaan yang begitu rapi, di setiap jalan dan lorong tidak disedari oleh kafir Quraisy bahawa orang yang lalu itu ialah orang yang hendak mereka tangkap dan bunuh.

Nabi keluar dengan selamat dari rumahnya, dan tidak berapa jauh

dari kota Mekah telah sedia Saiyidina Abu Bakar menunggunya. Keduanya berjalan bersama-sama meninggalkan Kota Makkah hingga sampai ke sebuah gua yang dinamakan “Gua Thūr.” Mereka masuk ke dalamnya dan beristirahat di sana selama tiga malam.

Alangkah besarnya kekecewaan yang dirasakan oleh musuh-musuh Islam itu tatkala mereka memasuki rumah Nabi, mereka dapati yang berada di dalam rumah itu hanya Saiyidina Ali sendirian sahaja, sedang orang yang mereka cari telah sempat melarikan diri dalam jajaan yang menakjubkan!

Ringkasnya sesudah tiga malam berada di Gua Thūr, maka unta tunggangan yang dipesan oleh Saiyidina Abu Bakar pun datangnya, dan dengan mengendarai unta itu, berangkatlah Junjungan besar kita bersama dengan sahabatnya yang setia itu menuju ke Kota Madinah.

Walaupun setiap jalan dan lorong dikepong, setiap rumah dan teratak diperiksa, seluruh rakyat Makkah dikerahkan supaya menangkap Nabi Muhammad

Sejarah masjid

dengan menawarkan janji-janji yang muluk dan hadiah-hadiah yang besar, tetapi dengan pertolongan dan perlindungan dari Tuhan tidak seorang pun dari mereka yang dapat mengesan jejak Rasulullah dan sahabatnya itu. Manusia boleh berniat, manusia boleh merancang, tetapi yang memutuskannya ialah Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*

Tatkala orang-orang di Madinah mendengar berita bahawa Junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W) telah meninggalkan Makkah berhijrah ke negeri mereka, maka mereka sekalian pun bergembiralah. Tiap bibir dan lidah tidak berhenti-hentinya memperkatakan tentang sifat-sifat kemuliaan dan keberanian pemimpin besar itu. Muka yang berseri-seri sentiasa mengadiah ke langit, sedang kedua belah tangan menampung berdoa atas keselamatan orang yang mereka nanti-nantikan itu. Mereka keluar jauh dari kota hendak menyambut dan mengalu-alukan kedatangan Junjungan besar yang mereka cintai itu, ingin menyambut ketibaan beliau dengan penuh kehormatan.

Bagi orang-orang Quraisy di Mekah mungkin menganggap Nabi Muhammad adalah seorang manusia perosak masyarakat dan pengacau keamanan, tetapi bagi penduduk-penduduk di Madinah, yang hati mereka telah diterangi dengan cahaya keimanan, menganggap bahawa kedatangan Nabi itu adalah membawa satu rahmat yang maha besar, kedatangan seorang mahaguru yang akan memimpin mereka di dunia dan akhirat. Jika di masa yang lampau mereka terpaksa

berjalan berpuluh-puluh hari menempuh gurun padang pasir yang berhawa panas membakar menuju ke kota Makkah untuk menemui orang yang mereka kasihi itu, untuk mendengar sepatah dua nasihat dan pelajaran, guna buat menjadi pedoman hidup yang bahagia, maka kini orang yang sangat jauh itu telah datang dengan roh dan jasadnya di tengah-tengah masyarakat mereka. Hati siapa yang takkan terharu, rangkaian jantung siapa yang tak tergetar menghadapi kemenangan yang datangnya dengan tidak disangka-sangka itu, yaitu kedatangan Nabi besar Muhammad (S.A.W) yang membawa hidayah dan pertunjuk kepada mereka.

Sayup-sayup mata memandang kelihatan dari jauh di dekat desa Qubā' – di sebelah selatan kota Yathrib atau Madinah – serombongan manusia yang semakin lama semakin dekat mendatang. Rasa hati tidak dapat ditahan-tahan, tua muda, kecil besar dari penghuni kota Madinah keluar beramai-ramai menyongsong ketibaan Rasulullah dan sahabatnya Abu Bakar, perasaan gembira sampai mengalirkan air mata kegirangan, setitik demi setitik gugur membasahi pipi laksana untai mutiara terlepas dari karangannya.

Nabi dipeluk dicium dengan rasa penuh kecintaan yang tidak dapat dilukiskan dengan pena, tak sanggup dituturkan dengan lidah. Dalam suasana sambutan yang meriah itu masuklah beliau ke desa Qubā' dan beristirahat di sana selama empat hari, yaitu hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis. Selama beliau tinggal di sana

itu beliau tak henti-henti mengajar hukum-hukum agama kepada orang ramai yang disambut dengan penuh kepatuhan dan iman.

Pada hari yang pertama beliau sampai ke desa Qubā' itu beliau telah mulai mendirikan sebuah tempat sembahyang, sebuah tempat sujud atau lebih tegas dikatakan sebuah masjid kecil, yang dalam sejarah perkembangan Islam menjadi masjid yang pertama didirikan oleh Junjungan besar Muhammad (S.A.W). Sesudah masjid itu selesai didirikan, maka Nabi pun bersembahyanglah di sana bersama-sama dengan golongan orang-orang Muhajirin – yang mengikuti perpindahan beliau dari Mekah- dan golongan orang-orang Ansar - penduduk-penduduk Madinah yang menyambut kedatangannya.

Masjid Qubā' itu adalah masjid yang pertama didirikan dalam Islam, yang diperingati oleh Allah dalam al-Qur'ān.

“Lamasjidu 'ussisa 'alā al-taqwā min 'awwali yawmi aḥaqqu an taqūma fīhi, fīhi rijālu yuḥibbūna an yataḥaḥharū, wa Allāhu yuḥibbu al-Muttaḥhirīna”

Ertinya: “Sesungguhnya masjid yang berdasarkan taqwa pada hari pertama berdirinya. Di dalam masjid itu ada beberapa orang lelaki yang suka supaya dirinya bersih, dan Allah menyukai orang-orang yang bersih.” – (*al-Baqarah*¹ ayat 108).

Kedatangan beliau ke Madinah itu menjadi permulaan tahun Hijrah yaitu perhitungan tahun Islam, bertepatan dengan hari Isnin 12 Rabi' al-Awwal bersamaan dengan 28 haribulan Julai 622 Masihi.*

*Menurut Shorter Encyclopaedia of Islam, karangan H.A.R.Gibb, diterbitkan E. J. Brill 1953, di- Leiden, Hidjra, halaman 139; pada 8hb Rabi'ul-Awwal bersamaan dengan 20hb. September 622 M.

¹ Surah yang sebenarnya adalah *Sūrah Al-Tawbah*.

Sejarah masjid

Tetapi setelah itu, permulaan tiap-tiap tahun Hijrah dikira daripada tanggal 1 haribulan Muharam. Tanggal 1 Muharam yang pertama dalam sejarah tahun Islam jatuhnya pada hari Jumaat.

Masjid pertama yang didirikan oleh Nabi kita (S.A.W) dalam tahun 622 Masihi di Qubā' itu bukanlah merupakan sebuah masjid yang sudah lengkap bangunannya. Masjid itu hanya sekadar merupakan suatu tempat untuk sujud, tempat sembahyang yang dapat memberikan sedikit pernaungan daripada panas matahari yang sangat terik di tengah-tengah padang pasir yang seluas itu, dan memberikan sedikit perlindungan daripada hiruk-pikuk di luar bagi mereka yang pada hari itu ingin sujud untuk bersyukur ke hadrat Tuhan Pencipta


alam. Masjid itu hanya dibangunkan daripada pelepah-pelepah dan daun-daun kurma serta batu-batu pejal untuk dijadikan pagarnya.

Pada waktu mendirikan masjid Quba' itu Nabi Muhammad (S.A.W) sendiri menunjukkan suri teladan dan kerjasama. Beliau turut bekerja mengangkat batu, sehingga tampak pada wajahnya yang mulia tanda-tanda bekas letih bekerja berat. Gotong-royong dengan keikhlasan yang penuh adalah dasar pembangunan dalam Islam. Beliau memberikan contoh yang nyata dan praktikal dengan perbuatan untuk menggerakkan tenaga kaum Muslimin dalam usaha dan amal membina sebuah masjid yang pertama, sebagai keperluan yang utama dalam kehidupan masyarakat Islam sebelum dari segala yang lain.

Tanda kiblat yang menjadi tujuan arah pada waktu sembahyang pada hari

itu diperbuat oleh beliau sendiri daripada batu-batu bata yang dimintanya dari penduduk desa Qubā' itu. Yang mula pertama meletakkan batu "*mihrāb*" itu ialah beliau sendiri, kemudian disusul berturut-turut oleh Abu Bakar, Umar dan Uthman yang masing-masing berganti-ganti datang seorang demi seorang meletakkan batu untuk tanda kiblat itu. Siapakah yang menyangka bahawa urusan perletakkan batu kiblat ini ada hubungannya kemudian hari dengan sejarah perlantikan khalifah?

Meskipun sangat sederhana, masjid Qubā' itu boleh dianggap sebagai sebuah contoh bentuk daripada masjid-masjid yang didirikan orang di belakang hari. Bangunan yang sangat bersahaja itu sudah memenuhi syarat-syarat yang perlu untuk pembinaan sebuah masjid yang julung-julung kali didirikan dalam dunia Islam. Ia sudah



Inilah gambar Masjid Qubā' di Madinah Al-Munawarah, masjid yang pertama didirikan di dalam Islam. Bangunan di dalam gambar di atas adalah bentuknya yang ada sekarang ini. – Gambar Edrus Kalam

Sejarah masjid

mempunyai suatu ruangan yang bersegi empat dan dinding lengkap di sekelilingnya, dan di sebelah utaranya diperbuat serambi sebagai tambahan tempat sembahyang, yang bertiangkan batang kurma, beratap datar yang diperbuat dari pelepah dan daun-daun kurma bercampurkan tanah liat. Di tengah-tengah lapangan dalam masjid itu terbuka untuk menyedut udara bersih dari luar, yang kemudian dinamakan dalam bahasa arabnya “*ṣaḥn*” (bulatan lapang). Di sampingnya terdapat sebuah telaga tempat mengambil air sembahyang. Dengan bentuk yang sedemikian rupa, kebersihan terjaga, cahaya matahari dan udara bersih dari luar dapat masuk dengan mewahnya.

Selanjutnya dapat kita catat lagi di sini beberapa hal yang mengenai masjid Qubā’ itu.

Dalam kitab “Mira’at Al-Haramayn” oleh Ibrahim Rafa’at Basha, dinyatakan dengan panjang lebar, baik mengenai tafsir ayat-ayat Qur’an yang tersebut di atas, yang menerangkan tentang masjid taqwa dan masjid ḍirār, mahupun tentang sejarah pembangunan dan pembaikan masjid Qubā’ itu.

Ibn Hajar dalam kitabnya “Fath al-Bārī” mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan masjid taqwa dalam ayat tersebut, – menurut pendapat para ulama yang terbanyak – ialah Masjid Qubā’, tetapi menurut suatu hadith yang diriwayatkan oleh Muslim dari Abi Sa’id al-Khudri, termasuk juga masjid Nabi di Madinah.

Masjid Qubā’ ini terletak dalam

kawasan sebuah perlembahan di kaki Bukit ‘Īr, yaitu yaitu² sebuah daerah yang subur, penuh dengan pohon-pohon kayu dan kebun-kebun yang menghijau, serta beberapa banyak mata air yang mengalirkan air-air yang jernih.

Tanah tapak tempat didirikan Masjid Qubā’ dan kebun-kebun di sekitarnya kepunyaan Kalthum bin Haḍamā, di mana terletak juga rumah Sa’ad bin Khīsmah dari keluarga Bani ‘Aus. Baik rumah Kalthum mahupun rumah Said ini, memang dari sejak sebelum hijrah Nabi, selalu menjadi tempat persinggahan orang-orang Islam yang datang dari Makkah. Khabarnya selama Nabi berada di Qubā’ beliau menumpang di rumah Kalthum bin Haḍamā, dan perkarangannya yang kosong di samping rumah itu – tempat menjemur kurma – inilah yang dipergunakan oleh Nabi untuk mendirikan Masjid Qubā’ itu.

Setelah Nabi berpindah ke Madinah acapkali benar Masjid Qubā’ ini beliau kunjungi, begitu juga sekalian para Sahabat yang bersama-sama dengan beliau di Madinah. Sekarang masjid ini menjadi tempat kunjungan para jemaah haji yang datang ziarah ke kota Madinah. Masjid Qubā’ sekarang adalah menjadi sebuah masjid yang terbilang di Madinah; binaan barunya diperbuat daripada tembok batu yang diikat dengan simen yang kukuh, lengkap dengan kubah dan menaranya. Panjangnya kira-kira 40 meter, begitu juga lebarnya. Tingginya kira-kira 6 meter, dan tinggi menaranya lebih dari 10 meter. Di dalamnya masih terdapat sebuah pekarangan terbuka yang tidak beratap – menurut binaan asalnya – ditaburi dengan batu-batu

kerikil. Oleh kerana kubah yang diperbuat sekarang terletak pada tempat unta Nabi – pada zaman dahulu – meniarap, maka kubah tersebut dinamakan “*Mubarak al-Nāqah*” ertinya: “Tempat peniarapan unta”.

Di sebelah kanan masuk pintu, terdapat bahagian yang beratap, yang lebarnya kira-kira 19 meter memanjang menurut lebar masjid itu. Di sini terdapat beberapa buah tiang dan kubah-kubah kecil. Lantainya dihampiri³ dengan tikar-tikar kurma yang bersih, di tengah-tengahnya didapati sebuah mihrab yang menandakan arah kiblat. Pada bahagian yang beratap inilah orang selalu mengerjakan sembahyang. Pada hujung dinding yang terdapat sebuah mihrab yang lain yang terkenal dengan nama “*thiqat al-kashaf*”, yang kononnya menurut riwayat Nabi dapat melihat Kaabah dari sini.

Beberapa kali diperbaiki:

Sejak zaman khalifah Abdul Malik bin Marwan, masjid ini telah mulai diperluas. Tatkala khalifah Umar bin Abdul Aziz menembok masjid Nabi di Madinah, beberapa bahagian daripada bangunan Masjid Qubā’ ini ditembok dan diperluaskan lagi. Beliau membuat tembok-tembok batu yang indah, mengapuri di sana-sini dan mendirikan di dalamnya beberapa tiang batu, tiang besi dan juga XXX dengan mempergunakan bahan-bahan timah. Perhiasan-perhiasan dari batu marmar dengan dekorasi-dekorasi yang indah diperbuatnya pada dinding-dinding masjid itu. Beliau juga yang membuat pelangkung di sebelah dalam dan menggantikan atap-atap daripada bahan-bahan kayu yang baik.

Masa yang sekian lama dan udara panas berganti dingin yang berlalu

² Pengulangan perkataan yaitu.

³ Perkataan sebenarnya adalah dihampari.

Sejarah masjid

di sepanjang zaman itu telah banyak merosakkan bekas-bekas tangan Khalifah Umar Bin Abdul Aziz, sehingga dalam tahun Hijrah 555, diperbaharui kembali bangunan masjid yang bersejarah itu oleh Jamal al-Din al-Ishfahanī, Perdana Menteri kerajaan Mawasil, seorang pemimpin negara keturunan dari Banī Zanki.

Dalam tahun 671 Hijrah pun ada pembaharuan dan pembaikan yang dikerjakan orang terhadap masjid ini. Perbaikan itu setengahnya lagi dilanjutkan oleh Nasir Bin Qalawun dalam tahun 733 Hijrah. Perbaikan atap banyak diusahakan oleh Ashraf Barsbay pada tahun 840 Hijrah. Pada tahun 877 Hijrah gugurlah menaranya. Pembinaan menara barunya diperlakukan pada tahun 881 Hijrah. Dalam tahun tersebut banyak diadakan perbaikan-perbaikan yang baharu, mengenai dinding, atapnya dan yang terpenting ialah mengadakan tempat air minum untuk umum serta menggali sebuah telaga di hadapan masjid yang bersejarah itu.

Wakaf-wakaf yang diterima untuk membiayai masjid itu pada zaman kerajaan Uthmaniah bukan sedikit. Penembokan-penembokan telah dilakukan beberapa kali; terutamanya pada masa pemerintahan Sultan Muhammad yang kedua dan anaknya Sultan Abdul Majid. Panitia pembaikan masjid ini mendapat kesempatan yang baik mengadakan pembinaan-pembinaan yang radikal, yang usaha utamanya ialah mengenai penembokan yang pertama tertulis di atas sebuah batu yang terletak di atas sebuah batu

yang terletak di atas pintu masjid itu.

Tiada ada tempat untuk menceritakan kisah yang amat panjang mengenai pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan terhadap masjid Quba' sebagai yang ditulis oleh pengarang-pengarang sejarah tentang perbaiki secara detail yang disumbangkan orang sebagai amal jariah kepada masjid yang mengandungi riwayat ini, yaitu masjid yang pertama didirikan dalam Islam. Buku-buku sejarah yang besar menyediakan tempat-tempat yang luas untuk memperingati seorang demi seorang daripada mereka-mereka yang telah mengorbankan harta yang bukan sedikit, mereka-mereka yang telah berjasa meletakkan bekas tapak tangannya sebagai meneruskan usaha-usaha dan khidmat-khidmat yang ditinggalkan oleh Junjungan kita Nabi Muhammad (S.A.W).

Tidak hairan walaupun bentuk masjid ini kecil, tidak sebesar dan seagung masjid-masjid yang lain, tetapi namanya tetap terkenal dan tercantum di dalam buku-buku sejarah masjid yang sering diperkatakan oleh ahli-ahli sejarah dunia Islam, kerana ia adalah laksana sepotong kayu tempat berapung di tengah-tengah samudera yang luas saujana, sesudah Islam diusir dan disingkirkan dari bumi Makkah.

Amal ibadat yang dikerjakan di dalamnya, pada hari-hari yang pertama oleh Junjungan kita, penghulu sekalian nabi-nabi di dalam masjid ini, adalah menelurkan bibit-bibit yang baik, yang kemudiannya tumbuh dengan subur di seluruh kota Madinah, akhirnya menjalar ke seluruh dunia.

Menurut riwayat, Nabi sendiri acapkali datang ke masjid ini bersembahyang bersama-sama dengan penduduk

Qubā'. Banyak sahabat-sahabat seperti Muaz bin Jabal, Salim bin Huzaifah, terutama Abu Bakar, Uthman dan Ali; kemudian acapkali datang mengunjungi masjid Islam yang pertama ini *bermillion-million* manusia dari seluruh pelosok dunia dari sejak ia didirikan di zaman Nabi hingga membawa ke akhir zaman.

Oleh itu Masjid Qubā' bukan merupakan sebuah tugu yang kosong, bukan merupakan sebuah batu peringatan yang pekak dan bisu tetapi merupakan ruangan tembok yang hidup dan terus hidup selama Islam berkembang dan selagi umatnya berada di atas dataran muka bumi yang luas ini.



Ahli-ahli seni tulis sedang menekat tulisan-tulisan kelambu Kaabah yang diperbuat sendiri oleh bumiputra Sa'udi 'Arabia di Makkah Al-Mukaramah.